



# A-ESSENTIAL BUSINESS

## Satu-satunya Insurans yang Anda Perlukan untuk Melindungi Risiko Perniagaan Anda!

Pakej insurans komersial yang menyediakan perlindungan komprehensif dan fleksibel yang paling sesuai untuk memenuhi keperluan perniagaan anda dengan premium yang berpatutan.



# Mengapa Pilih A-Essential Business?



## Pelan Fleksibel dan Boleh Disesuaikan

Nikmati sebanyak 11 perlindungan komprehensif untuk melindungi keperluan perniagaan anda. Anda mempunyai fleksibiliti untuk memilih jumlah diinsuranskan dan perlindungan yang dikehendaki dengan *Flexi Plan*, atau memilih senarai perlindungan yang sedia ada dengan *Fixed Plan*.



## Perlindungan Perniagaan Berpatutan

Dapatkan perlindungan dengan premium yang berpatutan dalam bajet anda.



## Lanjutan Perlindungan untuk Pindahan Dana Elektronik

Manfaat terkini yang anda perlukan dalam persekitaran e-perniagaan masa kini. Nikmati perlindungan atas pindahan dana elektronik yang membayar pampasan bagi kehilangan wang akibat pemintasan haram semasa transaksi dalam talian yang sah.



## Elaun Kesulitan Percuma

Nikmati elaun kesulitan tambahan 5% daripada jumlah tuntutan bersih sehingga RM 5,000 di bawah Seksyen A – Kebakaran, sekiranya berlaku penutupan sementara atau pemberhentian operasi perniagaan akibat kebakaran atau banjir (jika banjir diinsuranskan).

# Maklumat Lanjut Tentang A-Essential Business

**Produk pakej ini direka khas untuk memberi perlindungan komprehensif kepada perniagaan anda yang dijalankan di premis pembinaan Kelas 1A (dinding – batu-bata/konkrit sepenuhnya; bumbung – jubin/konkrit/zink/asbestos).**

### Seksyen A – Kebakaran

Menyediakan perlindungan terhadap kerugian atau kerosakan harta benda yang diinsuranskan akibat kebakaran, kilat dan/atau peril pilihan lain yang dipilih.

### Seksyen B – Pecah Masuk

Menyediakan perlindungan terhadap kerugian atau kerosakan harta benda yang diinsuranskan di dalam premis diinsuranskan akibat kecurian melalui pecah masuk atau keluar dari bangunan atau sebarang ancaman cubaan.

### Seksyen C – Wang

Membayar balik kehilangan wang dalam transit, wang yang disimpan di dalam premis yang diinsuranskan, atau wang yang ditransaksikan melalui pindahan dana elektronik.

### Seksyen D – Liabiliti Awam

Menyediakan perlindungan terhadap liabiliti undang-undang Orang Yang Diinsuranskan untuk kecederaan badan/kematian dan/atau kerosakan harta benda pihak ketiga yang timbul akibat kemalangan yang berlaku di dalam tempoh perlindungan dan dalam urusan perniagaan Orang Yang Diinsuranskan.

### Seksyen E – Kepingan Kaca dan Papan Tanda

Menyediakan perlindungan terhadap kerosakan akibat kemalangan pada kepingan kaca atau kerosakan pada papan tanda yang dipasang ke atas bangunan yang diinsuranskan di dalam premis diinsuranskan.

### Seksyen F – Liabiliti Majikan

Menyediakan perlindungan terhadap liabiliti undang-undang Orang Yang Diinsuranskan untuk sebarang kecederaan diri yang dialami oleh pekerjaannya sepanjang tempoh pekerjaan.

### Seksyen G – Kemalangan Diri Berkelompok

Menyediakan perlindungan kepada Orang Yang Diinsuranskan dan pekerjaannya terhadap kematian akibat kemalangan atau kehilangan upaya kekal akibat kemalangan.

### Seksyen H – Jaminan Kesetiaan

Menyediakan perlindungan terhadap sebarang kehilangan wang atau barangan yang dialami oleh Orang Yang Diinsuranskan akibat tindakan penipuan atau ketidakjujuran oleh pekerja Orang Yang Diinsuranskan.

## PILIHAN

### Seksyen I – Kerosakan Jentera

Menyediakan perlindungan terhadap kerugian atau kerosakan fizikal pada mesin yang tidak dijangka di dalam premis diinsuranskan.

### Seksyen J – Semua Risiko

Menyediakan perlindungan terhadap kerugian atau kerosakan peralatan pejabat, komputer dan periferal, perabot dan kelengkapan, dan seumpamanya yang disebabkan oleh sebarang kemalangan melainkan peril yang dikecualikan.

### Seksyen K – Kerugian Turutan Kebakaran

Menyediakan perlindungan terhadap kehilangan pendapatan dan peningkatan kos operasi akibat gangguan perniagaan yang disebabkan oleh kebakaran, kilat, dan/atau peril pilihan lain yang dipilih dalam Seksyen A.

**Bagi *Fixed Plan A-D*, hanya Seksyen I, J dan K adalah perlindungan pilihan.**

**Bagi *Flexi Plan*, semua seksyen adalah perlindungan pilihan (iaitu Seksyen B hingga K) kecuali Seksyen A – Kebakaran yang merupakan perlindungan wajib. Pelanggan perlu memilih minimum 3 seksyen dari Seksyen B hingga K dan menentukan jumlah diinsuranskan yang dikehendaki.**

# Jadual Manfaat

SEKSYEN	PERLINDUNGAN / MANFAAT DIINSURANSKAN	JUMLAH DIINSURANSKAN / HAD LIABILITI (RM)				
		Plan A	Plan B	Plan C	Plan D	Flexi <sup>2</sup>
<b>A</b>	<b>KEBAKARAN</b>	Perlindungan wajib – Jumlah Diinsuranskan ditentukan oleh Orang Yang Diinsuranskan				
	Kerugian atau kerosakan bangunan, stok dagangan, lekapan, kelengkapan dan perabot, dan kandungan lain yang disebabkan oleh kebakaran, kilat dan/atau peril pilihan lain yang dipilih					
<b>B</b>	<b>PECAH MASUK</b>	Perlindungan wajib – Jumlah Diinsuranskan ditentukan oleh Orang Yang Diinsuranskan				
	Kerugian atau kerosakan harta benda yang diinsuranskan di bawah Seksyen A (kecuali pemampat penghawa dingin) akibat kecurian	35k	50k	80k	100k	_____
<b>C</b>	<b>WANG<sup>3</sup></b>	Perlindungan wajib – Jumlah Diinsuranskan ditentukan oleh Orang Yang Diinsuranskan				
	<b>a) Wang di dalam Premis Diinsuranskan</b>					
	i. Tunai yang disimpan di dalam kabinet berkunci, laci berkunci, mesin tunai dan/atau peti tunai runcit	3k	4k	5k	7k	_____
	ii. Tunai yang disimpan di dalam peti simpanan selamat berkunci atau bilik kebal:					
	- Pada waktu perniagaan	10k	20k	30k	40k	_____
	- Selepas waktu perniagaan	6k	10k	20k	30k	_____
	iii. Tunai yang disimpan di dalam premis yang tidak dinyatakan dalam (i) dan (ii) di atas	1.5k	2k	4k	6k	_____
	<b>b) Wang dalam Transit</b>	10k	20k	30k	40k	_____
	<b>c) Kemalangan Diri (Serangan), setiapa orang</b> (sebanyak 4 orang, berusia 18-70 tahun) <sup>4</sup>	10k	10k	10k	10k	_____
	<b>d) Wang melalui Pindahan Dana Elektronik</b>	10k	20k	30k	40k	_____
<b>D</b>	<b>LIABILITI AWAM</b>	Perlindungan wajib – Jumlah Diinsuranskan ditentukan oleh Orang Yang Diinsuranskan				
	Bagi liabiliti undang-undang untuk kecederaan badan/kematian dan/atau kerosakan harta benda pihak ketiga					
	• Had pada mana-mana satu kejadian	200k	300k	500k	1 juta	_____
	• Had pada mana-mana satu tempoh perlindungan	1 juta	1 juta	1 juta	1 juta	_____
<b>E</b>	<b>KEPINGAN KACA DAN PAPAN TANDA</b>	Perlindungan wajib – Jumlah Diinsuranskan ditentukan oleh Orang Yang Diinsuranskan				
	Bagi kepingan kaca dan papan tanda	5k	10k	15k	20k	_____
<b>F</b>	<b>LIABILITI MAJIKAN</b>	Perlindungan wajib – Jumlah Diinsuranskan ditentukan oleh Orang Yang Diinsuranskan				
	Pada pekerja					
	• Had pada mana-mana satu kejadian	100k	200k	300k	500k	_____
	• Had pada mana-mana satu tempoh perlindungan	1 juta	1 juta	1 juta	1 juta	_____
<b>G</b>	<b>KEMALANGAN DIRI BERKELOMPOK<sup>5</sup></b>	Perlindungan wajib – Jumlah Diinsuranskan ditentukan oleh Orang Yang Diinsuranskan				
	Bagi kematian dan kehilangan upaya kekal akibat kemalangan (sebanyak 15 orang, berusia 18-70 tahun) – setiapa orang	15k	20k	25k	30k	_____
<b>H</b>	<b>JAMINAN KESETIAAN</b>	Perlindungan wajib – Jumlah Diinsuranskan ditentukan oleh Orang Yang Diinsuranskan				
	Pada pekerja					
	Had agregat setiap polisi	10k	20k	30k	40k	_____

SEKSYEN	PERLINDUNGAN / MANFAAT DIINSURANSKAN	JUMLAH DIINSURANSKAN / HAD LIABILITI (RM)				
		Plan A	Plan B	Plan C	Plan D	Flexi <sup>2</sup>
<b>I</b>	<b>KEROSAKAN JENTERA (pilihan<sup>6</sup>)</b>	Perlindungan wajib – Jumlah Diinsuranskan ditentukan oleh Orang Yang Diinsuranskan				
	Bagi mesin yang digunakan di dalam premis diinsuranskan	35k	50k	80k	100k	_____
<b>J</b>	<b>SEMUA RISIKO (pilihan<sup>6</sup>)</b>	Perlindungan wajib – Jumlah Diinsuranskan ditentukan oleh Orang Yang Diinsuranskan				
	Bagi peralatan pejabat, komputer dan periferal, perabot dan kelengkapan, dan seumpamanya	Jumlah Diinsuranskan ditentukan oleh Orang Yang Diinsuranskan				
<b>K</b>	<b>KERUGIAN TURUTAN KEBAKARAN (pilihan<sup>6</sup>)</b>	Perlindungan wajib – Jumlah Diinsuranskan ditentukan oleh Orang Yang Diinsuranskan				
	Kerugian turutan kebakaran, kilat atau mana-mana peril pilihan dalam Seksyen A	Jumlah Diinsuranskan ditentukan oleh Orang Yang Diinsuranskan				
<b>PREMIUM TAHUNAN (RM)</b>						
<b>A</b>	Tertakluk kepada Cukai Kerajaan yang dikenakan pada kadar semasa dan duti setem RM10	Rujuk Nota 1				Rujuk Nota 1
<b>B-H</b>		<b>497.85</b>	<b>761.52</b>	<b>1,096.96</b>	<b>1,492.50</b>	
<b>I-K</b>		Rujuk Nota 1				

## Nota:

1. Hubungi AIA General Berhad atau Perancang Hayat AIA untuk mendapatkan sebut harga.
2. Bagi *Flexi Plan*, semua seksyen adalah perlindungan pilihan (iaitu Seksyen B hingga K) kecuali Seksyen A – Kebakaran yang merupakan perlindungan wajib. Pelanggan perlu memilih minimum 3 seksyen dari Seksyen B hingga K dan menentukan jumlah diinsuranskan yang dikehendaki.
3. Bagi *Flexi Plan*, semua subseksyen di bawah Seksyen C tidak boleh dipisahkan jika Seksyen C dipilih.
4. Bagi *Flexi Plan*, pelanggan dibenarkan untuk menentukan bilangan orang, sehingga maksimum 10 orang di bawah Seksyen C (c).
5. Bagi *Flexi Plan*, pelanggan dibenarkan untuk menentukan bilangan orang, sehingga maksimum 30 orang di bawah Seksyen G.
6. Bagi *Fixed Plan A-D*, semua seksyen dari Seksyen A hingga H adalah perlindungan wajib dengan Jumlah Diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat, manakala Seksyen I hingga K adalah perlindungan pilihan.
7. AIA General Berhad hanya akan bertanggungjawab ke atas satu (1) plan untuk produk ini bagi setiap risiko yang diinsuranskan. Jika terdapat lebih daripada satu (1) plan yang dilindungi, AIA General Berhad hanya akan membayar manfaat di bawah satu plan yang akan dipilih oleh AIA General Berhad, dan membayar balik secara penuh sebarang premium yang telah dibayar di bawah plan lain.



## Soalan Lazim

**S: Terdapat sebelas (11) kelas insurans dalam pakej ini di mana sesetengah manfaat adalah manfaat pilihan, bolehkah saya membeli kelas Kebakaran sahaja?**

J: Tidak, anda tidak boleh membeli pakej ini jika anda hanya memerlukan Insurans Kebakaran. Sila hubungi AIA General Berhad atau Perancang Hayat AIA anda untuk produk lain bagi perlindungan Kebakaran Asas.

**S: Perlukah saya memaklumkan Penanggung Insurans tentang sebarang perubahan pada risiko saya; contohnya menempatkan barangan berbahaya di dalam premis, memindahkan stok saya ke lokasi lain?**

J: Ya, anda perlu memaklumkan Penanggung Insurans dengan segera jika terdapat perubahan pada risiko anda, jika tidak, AIA General Berhad berhak untuk tidak menanggung liabiliti kerugian anda sekiranya tuntutan dibuat.

**S: Apakah Jumlah Diinsuranskan minimum dan maksimum bagi *Flexi Plan*?**

J: Sila hubungi AIA General Berhad atau Perancang Hayat AIA anda untuk julat jumlah diinsuranskan minimum dan maksimum bagi setiap seksyen dalam *Flexi Plan*.

**S: Bagaimana saya boleh membeli pakej ini?**

J: Sila lengkapkan dan hantarkan borang cadangan yang boleh diperolehi daripada Pusat Pelanggan AIA yang terdekat atau daripada Perancang Hayat AIA anda. Anda boleh menghantar borang cadangan melalui e-mel ke MY.GI-Ops@aia.com.

**Brosur ini bukan Kontrak Insurans. Maklumat mengenai perlindungan yang sedia ada adalah hanya penerangan ringkas untuk rujukan cepat dan mudah. Manfaat, terma, syarat dan pengecualian yang berkenaan adalah dinyatakan di dalam Kontrak Polisi.**

**Brosur ini mengandungi versi jemahan Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina. Sekiranya terdapat percanggahan tafsiran, versi Bahasa Inggeris akan dipakai.**

## Hubungi kami untuk maklumat lanjut!

Sekiranya anda mempunyai pertanyaan lanjut, sila hubungi Perancang Hayat AIA/ wakil AIA yang sah:



Ditaja jamin oleh:

**AIA General Berhad** (201001040438 (924363-W))

Menara AIA, 99 Jalan Ampang,

50450 Kuala Lumpur.

Care Line: 1300 88 1899

Tel: 03-2056 1111

Fax: 03-2056 3891

AIA.COM.MY

AIA General Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.



[aia.com.my](http://aia.com.my)